



1103/1

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

---

Dua Jam Lima Belas Minit

---

**MODUL SOALAN TOPIKAL CEMERLANG  
AMANJAYA**

**2018**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**SET 7**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
  2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
  3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawasan peperiksaan*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kelebihan seni mempertahankan diri..

Huraikan pendapat anda tentang kelebihan-kelebihan mempelajari seni mempertahankan diri . Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

### KELEBIHAN MEMPELAJARI SENI MEMPERTAHANKAN DIRI




Seni Silambam

Seni Silat



Seni Taekwando



Soalan :

*Gambar di bawah merupakan sebahagian daripada kelebihan seni mempertahankan diri di Malaysia dan maklumat tentang kelebihan mempelajarinya.*

**Huraikan pendapat anda tentang kelebihan mempelajari seni mempertahankan diri. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.**

Tugasan soalan: Murid dapat menghuraikan kelebihan mempelajari seni mempertahankan diri.

Cadangan jawapan:

1. Mempertahankan diri
  - 1.1 menyelamatkan diri apabila diserang oleh penjahat.
  - 1.2 tidak mudah diperlakukan sewenang-wenangnya oleh pihak lain.
  - 1.3 dapat menjaga maruah diri.
2. Mendisiplinkan diri
  - 2.1 mematuhi waktu latihan
  - 2.2 taat pada etika sesuatu seni pertahanan diri yang dipelajari
  - 2.3 menggunakan seni pertahanan diri untuk kebaikan.
3. Menyihatkan badan
  - 3.1 melibatkan pergerakan fizikal
  - 3.2 mengeluarkan peluh
  - 3.3 melancarkan pengaliran darah

Ungkapan Menarik:

1. beringat sebelum kena berjimat sebelum habis.
2. Sediakan payung sebelum hujan.
3. Badan cergas otak cerdas.

**Bahagian B**

[100 markah]

*[Masa dicadangkan : 1jam 30 minit]*

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Setiap murid mempunyai cita-cita untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Jelaskan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

2. Masalah kewangan, masalah anak-anak dan masalah keluarga perlu ditangani demi membentuk sebuah keluarga yang bahagia.

Huraikan peranan yang sepatutnya dilaksanakan oleh setiap ahli keluarga untuk menangani masalah tersebut demi membentuk sebuah keluarga yang bahagia.

3. Pengukuhan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini amat penting demi keamanan dan keharmonian. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk ‘Langkah-Langkah Mengukuhkan Perpaduan Dalam Kalangan Masyarakat Berbilang Kaum di Negara Ini’.

Tulis rencana itu selengkapnya.

4. Pemimpin-pemimpin negara di dunia perlu bekerjasama untuk menjamin keamanan dan kedaulatan sejagat.

Huraikan bentuk-bentuk kerjasama tersebut .

5. *Hidup mulia penuh kesederhanaan, bertindak dengan penuh kebijaksanaan.*

*Ketinggian peribadi jadi amalan, ketulusan hati jadi bekalan.*

Petikan gurindam di atas menjelaskan nilai-nilai murni yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan generasi muda hari ini.

Bincangkan.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## Bahagian B

### Soalan 1

**Setiap murid mempunyai cita-cita untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.**

**Jelaskan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.**

**Tugasan soalan** : Calon dapat menjelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

**Format** : Tiada

#### **CADANGAN IDEA / ISI**

1. Melakukan ulang kaji yang kerap terutama subjek yang sukar .
2. Memberi tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran guru di kelas.
3. Melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum untuk mendapat kejayaan akademik yang lebih holistik.
4. Mematuhi semua disiplin yang ditetapkan oleh pihak sekolah.
5. Mematuhi jadual pembelajaran yang disediakan.
6. Mendapatkan pemakanan yang seimbang dan rehat yang cukup .

### Soalan 2

**Masalah kewangan, masalah anak-anak dan masalah keluarga perlu ditangani demi membentuk sebuah keluarga yang bahagia.**

**Huraikan peranan yang perlu dilaksanakan oleh setiap ahli keluarga untuk menangani masalah tersebut demi membentuk sebuah keluarga bahagia.**

**Tugasan soalan** : Calon dapat menghuraikan peranan yang perlu dilaksanakan oleh setiap ahli keluarga untuk menangani masalah tersebut demi membentuk sebuah keluarga bahagia

**Format** : Tiada

#### **CADANGAN IDEA / ISI**

1. Tanggungjawab ahli keluarga mengatasi masalah kewangan
  - 1.1 Ibu bapa melatih anak-anak mengamalkan sikap berjimat cermat  
- tidak menghadapi masalah kewangan
  - 1.2 Anak –anak yang sudah bekerja membantu/ menyara keluarga  
- dapat membantu meringankan beban kewangan
2. Tanggungjawab ahli keluarga menyelesaikan masalah anak-anak.
  - 2.1 ibu bapa memberikan didikan agama/moral  
- anak-anak berpegang teguh pada ajaran agama

- 2.2 setiap ahli keluarga mewujudkan suasana kasih sayang
    - saling menyayangi antara satu sama lain
  - 2.3 mengetahui tentang masalah yang dihadapi oleh anak-anak
    - membantu menyelesaikan masalah tersebut.
3. Tanggungjawab ahli keluarga membantu menyelesaikan masalah keluarga
    - 3.1 Tidak menceritakan masalah keluarga kepada orang lain
      - Tidak menimbulkan salah faham antara ahli keluarga
    - 3.2 sentiasa berdoa untuk kesejahteraan keluarga
      - sentiasa mendapat keberkatan dan perlindungan daripada Tuhan
    - 3.3 tidak membebankan keluarga dengan pelbagai masalah.
      - Tidak menghadapi tekanan perasaan

### **Soalan 3**

**Pengukuhan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini amat penting demi keamanan dan keharmonian. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk ‘Langkah-Langkah Mengukuhkan Perpaduan Dalam Kalangan Masyarakat Berbilang Kaum di Negara Ini’.**

**Tulis rencana itu selengkapnya.**

**Tugasan soalan** : Calon dapat menulis sebuah rencana yang bertajuk ‘Langkah-Langkah Mengukuhkan Perpaduan Dalam Kalangan Masyarakat Berbilang Kaum di Negara Ini’.

**Format** : Rencana

- **Tiada tajuk** (- 1 m)
- **Tiada penulis rencana** (- 1m)

### **CADANGAN IDEA / ISI**

1. Mengadakan ceramah atau bengkel tentang perpaduan kaum.
2. Meraikan sambutan perayaan kaum-kaum di Malaysia secara bersama-sama.
3. Pelaksanaan Konsep 1 Malaysia.
4. Penggunaan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi.
5. Menganjurkan aktiviti sukan yang melibatkan pelbagai kaum.
6. Pihak kerajaan/swasta mengadakan kempen- kempen Budi Bahasa Budaya Kita

### **Soalan 4**

**Pemimpin-pemimpin negara di dunia perlu bekerjasama untuk menjamin keamanan dan kedaulatan sejagat.**

**Huraikan bentuk-bentuk kerjasama tersebut .**

**Tugasan soalan :** Calon dapat menghuraikan kerjasama yang boleh dilakukan oleh pemimpin negara untuk menjamin keamanan dan kedaulatan di beberapa

buah negara di dunia

**Format** : Tiada

**CADANGAN IDEA / ISI**

1. Penglibatan dalam ASEAN, NAM, OIC dan lain-lain.
2. Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara di dunia.
3. Membantah campur tangan kuasa asing ke dalam negara-negara berdaulat- mengirim nota bantahan/melalui duta/ wakil diplomat.
4. Bekerjasama dengan negara-negara lain dalam isu keselamatan – isu nuklear dan sebagainya.
5. Mengadakan perjanjian dengan negara-negara lain di dunia tentang isu sempadan, ruang udara dan perairan negara.

Soalan 5.

*Hidup mulia penuh kesederhanaan,  
bertindak dengan penuh kebijaksanaan.*

*Ketinggian peribadi jadi amalan,  
ketelusan hati jadi bekalan.*

**Petikan gurindam di atas menjelaskan nilai-nilai murni yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan generasi muda hari ini.**

**Bincangkan.**

**Tugasan soalan :** Calon dapat membincangkan nilai-nilai murni yang boleh dijadikan pedoman

dalam kehidupan generasi muda hari ini.

**Format** : Tiada

**CADANGAN IDEA / ISI**

1. Nilai kesederhanaan – sikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan.
2. Nilai hemah tinggi – mempamerkan tingkah laku yang bersopan santun.
3. Nilai kejujuran – niat yang baik, amanah jujur, dan tidak mengharapkan balasan.
4. Nilai Keadilan – memberi layanan yang sama dan tidak berat sebelah.
5. Nilai baik hati – mengambil berat tentang kebajikan orang lain dan memahami perasaan mereka.